Bil 2 April-Julai 2013

# BULETIN

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA




Pelancaran Pusat Perkhidmatan KPDNKK, SSM Dan SKM di UTC Kedah

# TAHNIAH

**YB DATO' HASAN MALEK**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan

**YB DATO' PADUKA AHMAD BASHAH MD HANAPIAH**
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan

Dato' Hasan Terajui KPDNKK ms:06

Persidangan Kebangsaan SSM 2013 ms:08

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ms:16

## Nota Pengarang



**Zahrah Abd Wahab Fenner**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)

## Daftarlah perniagaan anda di SSM

Pada masa ini, kemunculan penjaja dan peniaga kecil terus berkembang dari semasa ke semasa. Dari statistik SSM, setakat ini terdapat sejumlah 1.5 juta penjaja dan peniaga kecil di seluruh Malaysia yang aktif menjalankan perniagaan. Oleh itu, kumpulan penjaja dan peniaga kecil ini merupakan kumpulan penting dari sudut ekonomi negara.

Industri tidak formal ini juga memainkan peranan penting dalam sosio ekonomi negara di mana masyarakat samada di bandar mahupun di luar bandar bergantung kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh golongan penjaja dan peniaga kecil dalam mengurangkan kos kehidupan mereka melalui barangan, makanan serta perkhidmatan dengan harga berpatutan serta pilihan luas kepada pengguna yang ditawarkan oleh golongan penjaja dan peniaga kecil ini.

Dengan mengambil kira bidang perniagaan merupakan mata pencarian utama kepada para peniaga dan penjaja kecil serta sumbangan besar mereka kepada sosio ekonomi negara, pihak kerajaan sentiasa peka dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi memastikan golongan penjaja dan peniaga kecil ini terus terbela dan dapat memajukan perniagaan mereka secara berkesan; dan salah satunya adalah melalui kursus khas untuk penjaja dan peniaga kecil sepanjang tahun 2013 ini anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Justeru, penganjuran Kursus Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil difikirkan amat bertepatan dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan, pendedahan kesedaran kepada golongan penjaja dan peniaga kecil untuk melakukan tranformasi ke atas perniagaan mereka agar lebih mampan, berdaya maju dan boleh bersaing.

Kursus yang diadakan ini merangkumi modul yang dirangka secara mendalam dan difikirkan amat bersesuaian dengan matlamat pengembangan golongan peniaga dan penjaja kecil. Antaranya adalah faedah dan prosedur mendaftarkan perniagaan dengan pihak SSM, sesi penerangan dan dialog berkaitan pembangunan perniagaan yang dikelolakan bersama wakil agensi-agensi kerajaan dan pihak bank, kemudahan pembiayaan pinjaman, pengurusan dan pentadbiran kewangan serta aliran tunai yang mantap, strategi pemasaran dan kepentingan inovasi dalam perniagaan.

Sehubungan itu, adalah diharapkan penganjuran dan perhatian yang diberikan sepanjang kursus ini dapat memberi manfaat serta tambah nilai kepada golongan penjaja dan peniaga kecil yang hadir.

Pada masa sama, diharapkan juga kursus ini akan membantu golongan penjaja dan peniaga kecil agar menjadi lebih mantap, berkembang dan lebih berdaya saing dengan melaksanakan pengurusan perniagaan yang lebih berstruktur dan bersistematik.

Di pihak SSM, sebagai badan pengawalselia korporat dan perniagaan, saya ingin menyeru dan menasihati golongan penjaja dan peniaga kecil yang aktif menjalankan perniagaan agar mendaftar dan terus memperbaharui pendaftaran setiap tahun dengan pihak SSM.

Bagi para penjaja dan peniaga kecil yang telah hadir pada kursus ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka kerana sanggup mengorbankan pendapatan untuk menghadiri kursus sehari suntuk ini.

Justeru, selepas ke Perlis, Selangor dan Kedah, nantikan kehadiran KPDNKK dan SSM di negeri-negeri lain dalam waktu terdekat ini sehingga akhir tahun ini.

Jumpa anda di sana!

## Sidang Redaksi


**PENAUNG**
**Ketua Pegawai Eksekutif SSM**
Mohd Naim Daruwish
mnaim@ssm.com.my

**KETUA PENGARANG**
**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif**
Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

**PENYELARAS PENERBITAN**
Farid Ahmad
farid@ssm.com.my

**PENGARANG / EDITOR**
Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my
Suzana Mohd Razali
suzana@ssm.com.my

**PENULIS / PENYUMBANG BAHAN**
Mohammad Arif Nizam Abdullah
ariffnizam@ssm.com.my

**JURUGAMBAR**
Ahli Kelab Fotografi SSM
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

**PENYUMBANG MAKLUMAT**
Mohd Rafique Kosnin
Ashraf Zuwairi Mohamad Ibrahim
Mohd Zawawi Ahmad
Wan Indera Luthfi Wan Abu Bakar
Pauziah Mohamed Sin
Idayu Abdul Rahim
Khairon Niza Md Akhir

**PENGEDARAN**
Hairul Adhar Ramli
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

## Kandungan


4 Kunjungan Rasmi Menteri

6 Dato' Hasan Terajui KPDNKK

7
- Sambutan Ulang Tahun SSM
- SSM di MIBEX, Jakarta

8 Persidangan Kebangsaan 2013

10
- Persidangan Serantau SSM di Kuching
- Bantuan Perajurit Lahad Datu

11 Kerjasama SSM - UiTM

12 Kursus Penjaja & Peniaga Kecil

14 SSM Kini di UTC Kedah

15 SUKANUN VIII

16 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

18
- Kursus Induksi 2013
- Pelancaran BBPC

19 Kursus Pra-persaraan

20
- Anggota Suruhanjaya SSM
- Laporan Program COMTRAC

21
- Pekerja Baru
- Persara/Meninggal Dunia

22
- Maklumat Semasa Warga SSM

23
- Manisnya Sebuah Perpisahan
- Skim Perlindungan Insurans Nyawa Berkelompok (GTL)

24
- Koperasi SSM
- Kelab SSM

25 SSM Dalam Berita

26 Peristiwa Bergambar


## Faedah Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) adalah satu wadah perniagaan alternatif yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional. Antara faedah PLT adalah seperti berikut:-

- ☑ **Tiada keluaran saham, hanya sumbangan modal oleh rakan kongsi**
- ☑ **Liabiliti terhad kepada firma PLT sahaja**
- ☑ **Keperluan pematuhan yang mudah**
- ☑ **Pelaporan kewangan yang fleksibel**
- ☑ **Kos pengurusan yang rendah**



# Kunjungan Rasmi YB Menteri Dan Timbalan Menteri KPDNKK




Ahli Suruhanjaya turut menyambut kunjungan Menteri.

Pada 3 Julai lalu, YB Dato' Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Timbalannya, YB Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah telah mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Menara SSM@Sentral di Kuala Lumpur.

Lawatan tersebut merupakan yang pertama kali sejak YB Dato' Hasan bin Malek dan Timbalannya YB Dato' Paduka Ahmad Bashah dilantik menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 16 Mei 2013.

Sempena lawatan itu, YB Menteri dan Timbalannya telah mengadakan pertemuan dengan Pengurusan Tertinggi SSM untuk mendengar taklimat pengurusan dan operasi selain menyampaikan amanat pada Majlis Ramah Mesra Bersama Warga SSM.



Lawatan YB Menteri.



YB Menteri serta Timbalan Menteri meninjau kakitangan SSM menjalankan tugas harian.



Sesi taklimat pengurusan kepada YB Menteri.




Dato' Hasan merasmikan Pusat Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan di Tingkat 14, Menara SSM @ Sentral.



Dato' Paduka Ahmad Bashah menandatangani buku pelawat.

YB Menteri dan Timbalannya juga melakukan lawatan ke kaunter-kaunter SSM yang melibatkan urusan dengan orang awam dan seterusnya merasmikan Pusat Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan yang baru di Tingkat 14.

Sebelum ini, pusat tersebut beroperasi di Tingkat 2, Menara SSM@Sentral dalam bangunan yang sama dan perpindahan operasi pusat itu berkuat kuasa pada 4 Mac lalu.

Tujuan perpindahan tersebut adalah untuk memberi keselesaan kepada orang ramai yang datang berurusan di SSM dengan menyediakan suasana yang lebih luas menerusi kemudahan tempat duduk yang banyak dan teratur.





Warga SSM sedang mendengar amanat Menteri.

## Dato' Hasan Bin Malek Terajui KPDNKK



**YB DATO' HASAN BIN MALEK**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan



**YB DATO' PADUKA AHMAD BASHAH BIN MD HANIPAH**
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan

Ahli Parlimen Kuala Pilah, YB Dato' Hasan Bin Malek telah dilantik sebagai Menteri bagi menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 15 Mei 2013.

Beliau yang merupakan bekas Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menggantikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang bertukar kementerian ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dato' Hasan yang berumur 67 tahun memiliki Sijil Pendidikan Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur, *B.A (Hons) Sosiology* Universiti Malaya dan *Diploma In Development Administration* di Universiti Manchester, United Kingdom.

Sementara itu, YB Dato' Paduka Ahmad Bashah Bin Md Hanipah pula dilantik sebagai Timbalan Menteri. Dato' Ahmad Bashah yang berumur 63 tahun merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Bakar Bata, Kedah dan Senator di Dewan Negara.

Beliau juga merupakan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah ketika itu. Majlis Penyerahan Tugas Menteri dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang baharu itu telah diadakan di KPDNKK, Putrajaya pada 22 Mei lalu. Turut hadir, YB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, mantan Menteri PDNKK.

SSM mengalu-alukan perlantikan mereka berdua sebagai Menteri dan Timbalan Menteri PDNKK. Pada masa yang sama SSM juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Menteri PDNKK, YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob dan dua mantan Timbalan Menteri iaitu YB Datuk Hajah Rohani Abdul Karim dan YB Dato' Tan Lian Hoe di atas sumbangan dan jasa mereka sepanjang berkhidmat di KPDNKK amnya dan SSM khasnya.

## Ucapan Terima Kasih Kepada Mantan Menteri dan Timbalan Menteri KPDNKK

"SSM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, YB Datuk Rohani Abdul Karim dan YB Dato' Tan Lian Hoe atas bimbingan yang telah diberikan sepanjang menerajui SSM. SSM mengucapkan semoga terus maju jaya".







## Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-11



Acara simbolik memotong pulut kuning oleh pihak pengurusan SSM.

Sempena sambutan Ulang Tahun Ke-11 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), satu majlis perhimpunan bulanan khas telah diadakan Ibu Pejabat pada 16 April 2013 yang melibatkan 3 segmen aktiviti.

Segmen pertama yang berlangsung di Auditorium Tun Dr Siti Hasmah itu dimulakan dengan amanat oleh Tuan Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Ia turut melibatkan majlis penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang 2012.

Seramai 31 anak warga kerja SSM yang cemerlang di dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (PSRA), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) telah menerima cenderahati antara RM200 hingga RM500 mengikut jenis peperiksaan tersebut.

Acara kemuncak pada majlis itu adalah upacara memotong pulut kuning oleh Tuan Mohd Naim sebagai simbolik upacara ulangtahun ke-11 SSM.

Segmen kedua pula melibatkan pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah yang dijalankan oleh pegawai perubatan dari Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB), Hospital Pantai dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) manakala kempen derma darah dikendalikan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Bagi segmen terakhir, satu majlis doa selamat dan bacaan Yassin telah diadakan di ruang legar Tingkat 30 dan dihadiri seramai 100 orang warga kerja SSM. Majlis secara santai itu dipimpin oleh Encik Mohd Zawawi Ahmad dari Bahagian Sumber Korporat.



Majlis doa selamat dan bacaan Yaasin oleh warga kerja SSM.

## SSM Di MIBEX, Jakarta

Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menyertai program Malaysia-Indonesia *Business Expo* (MIBEX) 2013 yang telah berlangsung pada 30 Mei hingga 2 Jun 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Jakarta, Indonesia.

Program ini telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Francais (BPF) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).



YB Menteri melawat *booth* SSM di MIBEX.

Objektif utama program adalah untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan usahawan Malaysia yang terdiri daripada syarikat francais kepada masyarakat di Indonesia terutamanya di Medan dan membuka peluang kepada syarikat-syarikat francais Malaysia untuk mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran luar.

Di samping itu, forum dengan pihak industri dan dewan perniagaan di Jakarta juga telah diadakan bagi membincangkan perkara berkaitan pembangunan francais di peringkat wilayah berkenaan.

Pameran delegasi Malaysia telah diletakkan di bawah satu pavillion yang terdiri daripada KPDNKK, agensi-agensi di bawah KPDNKK seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyiPO), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), serta usahawan-usahawan francais Malaysia yang menyertai program ini.

Ekspo ini dirasmikan oleh YB Datuk Hasan Malek, Menteri PDNKK. Sebaik sahaja selesai majis perasmian program, YB Menteri bersama tetamu kehormat dan rombongan yang lain telah melawat *booth* pameran KPDNKK, agensi-agensi di bawah KPDNKK, syarikat francais dari Malaysia dan juga Indonesia.

## Persidangan Kebangsaan SSM 2013

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan SSM *(SSM National Conference)* 2013 pada 20 dan 21 Mei 2013 di Hotel Royal Chulan di Kuala Lumpur.

Persidangan selama dua hari yang bertemakan *"Corporate Governance: The New Global Language for Business"*, bertepatan dengan senario perdagangan masa kini yang berkait rapat dengan soal tadbir urus korporat.

Konsep tadbir urus korporat dalam bahasa mudah merupakan proses dan cara yang digunakan untuk menguruskan perniagaan atau syarikat bagi meningkatkan kemajuan atau keuntungan perniagaan; nilai pemegang saham dalam jangka panjang dan akauntabiliti korporat.

Di samping itu, ia juga mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti kepentingan pekerja, kreditor (institusi kewangan / perbankan) yang telah memberikan pinjaman, pihak-pihak yang bertransaksi dengan syarikat seperti membekal (yang mengharapkan pembayaran), golongan pengguna jika syarikat adalah pengeluar produk-produk pengguna dan negara secara amnya.



Para delegasi khusyuk mendengar sesi ceramah semasa persidangan.



Turut berucap, Dato' Sri Abdul Wahid Omar,
Presiden dan Ketua Pengarah Eksekutif Maybank Berhad




Ucapan aluan oleh KPE SSM, Mohd Naim Daruwish.

Di Malaysia, agenda reformasi Tadbir Urus Korporat bermula daripada penerbitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia oleh Jawatankuasa Tertinggi Kewangan Tadbir Urus Korporat, Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) oleh Bank Negara Malaysia ke atas sektor kewangan.

Bagi pihak SSM pula, perundangan Akta Syarikat 1965 telah dipinda secara substantif bagi menggariskan pelbagai keperluan pematuhan berkaitan tadbir urus korporat di kalangan syarikat di negara ini.

Kesemua inisiatif ini menjurus kepada pengukuhan kerangka perundangan dan bagi menyediakan garis panduan mengenai prinsip-prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat dan hala tuju pelaksanaan bagi memastikan prospek positif masa depan tadbir urus korporat di Malaysia.



Anggota persidangan sedang mendengar ceramah mengenai Tadbir Urus Korporat.




Penceramah sedang mendengar soalan dari anggota persidangan.




Tetamu khas yang hadir pada majlis perasmian.

Sementara itu, buat julung kalinya Persidangan Tahunan SSM 2013 ini dirasmikan oleh Dato' Haji Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang baharu.

Turut hadir, Dato' Paduka Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan yang baharu, dan Mohd Naim Bin Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Persidangan Tahunan SSM kali ketiga ini turut menampilkan Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Presiden dan Ketua Pengarah Eksekutif Maybank Berhad sebagai penyampai ucaptama persidangan ini.

Selain itu, barisan penceramah lain ialah Professor Dato' Dr Aishah Bidin, Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tengku Farith Ritahuddeen, *President of SKALI* dan Datuk Bazlan Osman, Pengarah Eksekutif Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Telekom Malaysia Berhad.

Antara topik yang dibincangkan pada persidangan ini adalah *Corporate Governance: The New Global Language for Business – Review and Comments, The 21st Century Notion on Fiduciary Duty and the Business Judgement Rule, Integrating Corporate Responsibility into Business Operations, Rolling in the Deep - Embracing Challenges, Evolving Business Operations* dan Skim Kepentingan.



Penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan oleh En. Mohamed Zanyuin Ismail (kiri), Timbalan KPE (Operasi) SSM.



Antara barisan sekretariat yang bertungkus lumus menjayakan Persidangan Kebangsaan SSM 2013



Staf SSM sedang sibuk menguruskan kaunter pendaftaran persidangan kebangsaan.

## Persidangan Serantau SSM 2013 Di Kuching

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menganjurkan Persidangan Kebangsaan Serantau (SSMRC 2013) pada 11 dan 12 Jun 2013 di Hotel Pullman di Kuching, Sarawak.

Persidangan selama dua hari itu memilih tema *"Limited Liability Partnership and SSM Corporate Update"* dan dirasmikan Datuk Idrus Bin Harun, Ahli Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta turut dihadiri Mohd Naim Bin Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Objektif SSMRC 2013 bertujuan menyediakan platform bagi membincangkan peruntukan Akta Perkongsian Liabliti Terhad 2012 selain mengemaskini pihak-pihak berkepentingan berhubung peraturan-peraturan, operasi, aktiviti penguatkuasaan serta maklumat terkini berhubung inisiatif-inisiatif utama SSM.

Pada masa sama, persidangan ini turut mengalakkan pemahaman berhubung kepentingan tadbir urus korporat di dalam persekitaran dunia perniagaan yang kontemporari.

Selain itu, ia juga bertujuan menyemai pemikiran yang kontemporari dan dinamik dalam nilai-nilai tadbir urus korporat dan menyampaikan faedah serta nilai-nilai tadbir urus korporat dalam pengurusan sesebuah syarikat.

Pada 21 Februari lalu, SSM telah melancarkan satu bentuk perniagaan baru yang dikenali sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) sebagai pilihan kepada para peniaga untuk menjalankan perniagaan. Sementara itu selain kakitangan SSM, barisan penceramah pada SSMRC 2013 ialah dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan *East West One Consortium Berhad.*

Antara topik yang dibincangkan pada persidangan ini adalah *Limited Liabiltity Partnership Act 2012 – Introduction of A New Business Vehicle in Malaysia, Intereste Scheme: Governance and Investor Protection, Gearing Towards XBRL Format of Reporting: Are You Ready?, SSM Operation Updated dan SSM Regulatory and Policy Updates.*




Upacara perasmian oleh Ahli Suruhanjaya SSM, Datuk Idrus Harun.



Soalan diajukan ketika sesi soal jawab.



Antara barisan penceramah jemputan.

## Bantuan Perajurit Lahad Datu, Sabah

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melancarkan Tabung Bantuan Perajurit Lahad Datu untuk membantu waris perajurit yang terkorban semasa insiden mempertahankan negara daripada diceroboh oleh pihak asing pada bulan Mac lalu.

Jumlah sumbangan yang diterima adalah berjumlah RM57,000 di mana RM7,000 merupakan hasil kutipan di kalangan warga kerja SSM.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Tuan Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif kepada Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk disampaikan kepada waris-waris yang terlibat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Putrajaya pada 26 Mac 2013.

## SSM-UiTM Jalin Kerjasama Penyelidikan NPO




Dari kiri (duduk) :
Pn. Zahrah Fenner (TKPE SSM), Tuan Mohd Naim Daruwish (KPE SSM), Dato' Paduka Ahmad Bashah (Tim. Menteri KPDNKK), Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid (Naib Canselor UiTM) dan Prof. Dr. Normah Omar (Pengarah ARI)

Buat julung kalinya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memeterai perjanjian dengan Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menjalinkan kerjasama bagi menjalankan penyelidikan berkaitan tadbir urus organisasi bukan keuntungan/*non-profit organisations* (NPO) di Malaysia.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara SSM dan UiTM itu diadakan di Bangunan Canselor Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam pada 18 Jun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Mohd Naim Daruwish telah mewakili SSM dalam menandatangani perjanjian tersebut sementara ARI diwakili oleh Pengarahnya, Prof Dr Normah Hj Omar.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Dato' Paduka Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Bin Abu Bakar, Naib Canselor, UiTM.

Perjanjian ini membolehkan para warga kerja SSM dan penyelidik ARI menjalankan kajian ke atas NPO yang kini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara melalui sumbangan sosial seperti hak asasi manusia, kesihatan, pendidikan dan berbagai-bagai keperluan sosial lain yang kritikal.



Para jemputan yang hadir sempena Majlis MOU tersebut.



Ucapan perasmian oleh YB Timbalan Menteri.



# Sekitar Latihan Dan Kursus Penjaja Dan Peniaga Kecil

Mengimbas kembali tarikh 27 Mei 2012, Kerajaan telah memberi tanggungjawab untuk meningkatkan perkembangan pembangunan penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Justeru, atas tanggungjawab tersebut, KPDNKK dan SSM telah bekerjasama mengadakan program Latihan Asas Penjaja dan Peniaga Kecil (LAPPK) dan Kursus

Objektif penganjuran program latihan dan kursus ini adalah menggalak serta membangunkan aktiviti perniagaan di kalangan penjaja dan peniaga kecil serta rakyat Malaysia.

Selain itu, ia juga bertujuan menyemai pengetahuan asas tentang keperluan dan faedah perniagaan yang berdaftar, berkongsi pengetahuan dan perkembangan semasa aktiviti perniagaan serta menggalak dan membangunkan aktiviti yang dapat meningkatkan hasil pulangan penjaja dan peniaga kecil.










Latihan Asas Penjaja dan Peniaga Kecil (LAPPK) dan Kursus Pemantapan Penjaja dan Perniaga Kecil (KPPPK), Dewan Persada PLUS, Subang, Selangor.

Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil (KPPPK) di tiga buah negeri baru-baru ini.

Program yang dijalankan itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan di setiap lokasi bermula di Hotel Seri Malaysia, Perlis, diikuti Dewan Persada PLUS, Subang, Selangor. Terbaru, KPPPK telah diadakan di Kompleks Kerajaan Persekutuan, Alor Setar yang dirasmikan oleh YB Dato' Paduka Ahmad Bashah Bin Md Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Pada masa sama, program LAPPK dan KPPPK turut bertujuan meningkatkan daya saing penjaja dan peniaga kecil melalui cara pengurusan yang lebih dinamik dan teratur sekali gus membantu Kerajaan dalam merancang pelan pembangunan strategik seterusnya untuk kumpulan ini.

Pelaksanaan program LAPPK dan KPPPK ini telah mendapat sokongan dan kerjasama padu daripada pelbagai agensi termasuk agensi pembiayaan seperti KPDNKK (Bahagian Pembangunan Perniagaan),

Maktab Koperasi Malaysia, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), MARA, Bank Rakyat, Permodalan Nasional Berhad (PNS), Bank Simpanan Nasional, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PUNB, MyIPO, Bank Negara dan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan/Negeri.

Pengisian program bagi kedua-dua latihan dan kursus ini sedikit berbeza apabila LAPPK merupakan program setengah hari manakala KPPPK adalah program satu hari.

pameran untuk memudahkan peserta yang datang dari pelbagai daerah berurusan.

Dari segi faedah pembelajaran *(take-aways)* pula antara yang dinyatakan adalah program ini dapat mentransformasi minda peniaga ke arah kecemerlangan dan kejayaan untuk agama, bangsa dan negara selain memberi inspirasi dan motivasi untuk berjaya dalam perniagaan secara lebih mantap, berinovasi dan kreatif.

Program ini juga dapat memberi peluang berkongsi



Kursus Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil (KPPPK) di Kompleks Kerajaan Persekutuan, Alor Setar Kedah.

Maklumbalas peserta yang diterima melalui borang maklumbalas yang diedarkan sewaktu program berlangsung rata-rata amat positif dan berpuas hati. Ramai kalangan peserta memaklumkan yang program yang dianjurkan amat berfaedah dan dapat membuka perspektif baru tentang pengurusan perniagaan mereka. Mereka turut mencadangkan agar program seumpamanya diadakan lebih kerap sehingga ke peringkat daerah secara berterusan.

Selain sesi ceramah dan sesi dialog, setiap agensi terlibat turut membuka kaunter khidmat nasihat dan

pengalaman dan berkenalan dengan lebih ramai peniaga dari pelbagai lapisan selain amat berfaedah kerana memperolehi pengetahuan mendalam dari sumber-sumber yang tepat ke arah memperbaiki kelemahan dan membuat perancangan perniagaan. Ia juga memberi banyak maklumat khususnya berkenaan pembiayaan diketengahkan serta mendapat *networking* dalam bisnes.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, KPDNKK dan SSM dengan kerjasama agensi-agensi terlibat akan meneruskan penganjuran KPPPK ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

# SSM kini di UTC Kedah

Bagi memudahkan urusan orang ramai, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kini telah beroperasi di UTC Kedah yang bertempat di Kompleks Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) Jalan Kolam Air, Alor Setar, Kedah.

Pejabat cawangan UTC SSM bersama KPDNKK dan SKM yang terletak di tingkat enam itu dirasmikan pada 17 Ogos lalu. Jenis perkhidmatan yang ditawarkan SSM adalah pendaftaran perniagaan, pembaharuan pendaftaran perniagaan, pendaftaran penamatan perniagaan dan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

Turut ditawarkan di SSM UTC Kedah adalah perkhidmatan pendaftaran syarikat, kelulusan nama syarikat, pemerbadanan syarikat baru, pertukaran taraf syarikat, pertukaran nama syarikat, sijil memulakan perniagaan dan serah simpan dokumen berkanun syarikat.



YAB Perdana Menteri mendatangani plak perasmian Pusat Perkhidmatan KPDNKK, SSM dan SKM.



YAB Perdana Menteri menyerahkan sijil pendaftaran perniagaan kepada pendaftar pertama di SSM UTC Kedah.

Selain itu perkhidmatan yang disediakan adalah pembekalan maklumat syarikat dan perniagaan (Perkhidmatan e-Info), salinan dokumen syarikat, perniagaan tanpa pengesahan dan dengan pengesahan, surat pengesahan penamatan perniagaan dan surat pengesahan penglibatan peribadi syarikat dan perniagaan.

Sementara itu, UTC Kedah yang berkeluasan 77,688 meter persegi di bangunan enam tingkat itu merupakan UTC kelima yang dibuka selepas Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Perak.

UTC Kedah itu menyediakan perkhidmatan di bawah 10 kluster termasuk keselamatan, kesihatan, perkhidmatan, kewangan, pembangunan belia, utiliti dan pendidikan.

Bangunan itu turut menyediakan bilik mesyuarat berkapasiti 150 orang dan dua bilik seminar serta gelanggang futsal di tingkat atas.



## Pengalaman Berguna Di SUKANUN VIII

Biarpun pulang tanpa pingat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia tetap meraih pengalaman berguna pada penyertaan di Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun (SUKANUN VIII) yang berlangsung dari 22 Jun hingga 2 Julai 2013.

Penglibatan kali kedua selepas tahun 2011 itu dengan seramai 71 kontijen telah menyertai tujuh acara seperti bola sepak, futsal, badminton, *dart* campuran, *tenpin* boling, pencarian harta karun dan golf.

Ketua Kontijen SSM, Amir Ahmad berpuas hati dengan pencapaian yang diraih oleh atlit-atlit apabila mampu memberikan cabaran sengit kepada kontijen lain yang lebih berpengalaman.

"Sekalipun gagal mendapat sebarang pingat, namun kita berbangga kerana mampu melepasi peringkat kumpulan dalam beberapa acara dengan mendominasi acara olahraga lelaki dan wanita."

"Saya percaya, dengan komitmen dan usaha berterusan atlit, kita mampu untuk terus memberi cabaran dan tentangan sengit kepada kontinjen-kontinjen pada SUKANUN akan datang."



Pasukan *dart* campuran SSM.



Pasukan bergu lelaki sedang beraksi di peringkat saringan.



Amir berkata, sebagai sebuah badan berkanun, kemampuan dan prestasi yang dipamerkan oleh SSM pada SUKANUN kali ini adalah sesuatu yang paling membanggakan.

"Penyertaan SSM di SUKANUN ini dilihat masih berjaya apabila kita terpaksa bersaing dengan badan berkanun lain yang menunjukkan peningkatan mendadak prestasi dan memberikan persaingan sengit.

Apapun, ia bagaikan isyarat awal untuk SSM menjalani latihan secara berterusan untuk SUKANUN edisi ke-9 dua tahun lagi selain berusaha untuk mengenepikan cabaran pada kejohanan lain pada masa akan datang," katanya.

SUKANUN VIII membuka tirainya pada 24 Julai lalu dengan disertai oleh lebih 7,000 atlit dari 71 agensi yang mengambil bahagian dengan 28 acara sukan dipertandingkan.

Majlis Perasmian SUKANUN VIII disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.



# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM Catat Sejarah Gemilang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SSM yang diadakan pada 1 Julai 2013 di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur mencipta lakaran sejarah sebagai tanda pengiktirafan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terhadap prestasi kerja cemerlang yang disumbangkan oleh kakitangan terpilih.

Pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2012 dilaksanakan secara teliti dan adil melalui kelayakan seperti berikut:

- Pekerja SSM dalam semua kumpulan, gred dan kategori yang dilantik samada secara kontrak, tetap, atau pinjaman; dan
- Pekerja yang telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir penilaian.

